

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL  
(JELEBU)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 26.10.2015**

**Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [ JELEBU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan kejatuhan harga minyak ke atas ekonomi negara dan pendapatan Kerajaan dengan memberikan angka-angka perbandingan sebelum kejatuhan dan selepas kejatuhan tersebut serta unjuran untuk tahun-tahun mendatang jika harga minyak kekal atau terus jatuh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah ekonomi terbuka, keadaan persekitaran luar yang tidak menentu termasuk kejatuhan harga minyak mentah dunia boleh memberi kesan kepada ekonomi Malaysia. Namun demikian, secara keseluruhannya kejatuhan harga minyak tidak memberi impak yang ketara kepada pertumbuhan ekonomi memandangkan struktur ekonomi negara kita kini lebih pelbagai disokong oleh peningkatan daya tahan serta asas ekonomi yang kukuh.

2. Perangkaan terkini menunjukkan bahawa prestasi ekonomi negara terus berkembang meskipun berhadapan dengan ketidaktentuan persekitaran luar. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan yang stabil sebanyak 5.3 peratus dalam tempoh separuh pertama tahun 2015 (Januari - Jun 2014: 6.4%). Perkembangan ini didorong terutamanya oleh pengukuhan permintaan domestik, terutamanya perbelanjaan sektor swasta. Dalam tempoh yang sama, pelaburan swasta pada harga semasa berkembang sebanyak 9.2 peratus kepada RM108.5 bilion (Januari - Jun 2014: RM99.3 bilion). Sementara itu, pelaburan langsung asing mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM22.4 bilion (Januari - Jun 2014: RM17.9 bilion) terutamanya

dalam sektor pembuatan, perlombongan dan kuari serta perkhidmatan. Penggunaan swasta berkembang kukuh pada kadar 7.6 peratus didorong oleh pendapatan boleh guna yang tinggi berikutan pasaran buruh yang stabil.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kesan daripada kejatuhan harga minyak dunia bagaimanapun dapat dilihat dengan pengurangan pendapatan eksport minyak mentah dan Gas Asli Cecair (LNG) negara kepada RM48 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2015 (Januari - Ogos 2014: RM65 bilion). Namun, pendapatan eksport minyak mentah dan LNG hanya mewakili 9.6 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport negara. Kesan ini dapat dikurangkan dengan adanya kepelbagaian produk dan pasaran eksport. Prestasi jumlah eksport sektor lain terutamanya bagi barangan pembuatan, termasuk sektor elektrik dan elektronik, yang menyumbang sebanyak 80 peratus kepada jumlah eksport dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2015 telah meningkat dan dijangka terus stabil.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejatuhan harga minyak mentah juga turut memberi impak positif. Ini dapat dilihat dengan penurunan harga minyak runcit yang seterusnya dapat membantu mengekang tekanan inflasi. Inflasi yang diukur oleh peratus perubahan Indeks Harga Pengguna (CPI), menyederhana sebanyak 1.9 peratus bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 2015 (Januari - Ogos 2014: 3.3%), dengan kumpulan pengangkutan telah mencatat penurunan 4.1 peratus (Januari - Ogos 2014: 5.4%). Walaupun dengan pelaksanaan GST pada bulan April 2015 serta penyusutan nilai ringgit, kadar inflasi berada pada tahap terkawal. Ini disebabkan oleh harga minyak domestik yang rendah berikutan pelaksanaan mekanisme harga apungan terkawal bagi harga minyak. Sementara itu, penurunan harga minyak mentah secara tidak langsung telah meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah dan ini akan membantu menyokong perbelanjaan swasta dan mencergaskan ekonomi domestik.

5. Melalui pelbagai langkah proaktif yang telah diambil pada 20 Januari 2015 dan pada 14 September 2015, Kerajaan yakin langkah ini dapat meningkatkan aktiviti ekonomi domestik dan seterusnya membantu

mengimbangi ketidaktentuan persekitaran luar. Sehubungan itu, ekonomi dijangka terus kukuh dan diunjurkan berkembang pada kadar 4.5 peratus hingga 5.5 peratus pada tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Berkenaan dengan kesan kejatuhan harga minyak ke atas pendapatan Kerajaan, kejatuhan yang berterusan sejak akhir tahun 2014 memberi impak negatif ke atas hasil dan kedudukan fiskal negara. Oleh itu, Kerajaan telah menyemak semula andaian harga purata minyak mentah Brent bagi tahun 2015, daripada USD100 setong kepada USD50 setong. Dengan harga minyak mentah yang lebih rendah ini, hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2015 dianggar RM222.5 bilion atau 19.2% daripada KDNK (2014: RM220.6 billion, 19.9% daripada KDNK). Manakala hasil berkaitan petroleum dianggar pada RM43.9 bilion atau 19.7% kepada jumlah keseluruhan hasil (2014: RM66.3 bilion, 30% kepada jumlah keseluruhan hasil).

7. Seterusnya, bagi tempoh jangka sederhana (2016-2018), andaian purata harga minyak mentah adalah dalam julat USD48 - USD60 setong dan unjuran KDNK adalah dalam lingkungan 4.5% - 5.5%. Kerajaan akan terus memantau dengan rapi perkembangan luaran termasuk perubahan harga minyak mentah dunia dan kesannya terhadap pendapatan dan ekonomi negara. Ini bagi membolehkan Kerajaan mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan pertumbuhan ekonomi terus mapan di samping menjamin kesejahteraan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah.